

21/09/2000

Pensyarah perlu gigih ubah sikap pelajar

Mohd Feroz Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Beberapa naib canselor mengakui tahap pencapaian akademik pelajar Bumiputera di universiti tempatan sama ada dalam bidang profesional atau separa profesional, kurang memberangsangkan dan ia berlarutan sejak sekian lama.

Sehubungan itu, mereka mencadangkan tenaga akademik berusaha lebih gigih mengubah sikap pelajar Bumiputera yang mudah hilang tumpuan terhadap pengajian, cepat berpuas hati dengan gred sederhana dan mudah terpengaruh hasutan parti politik.

Bagaimanapun, kebanyakan universiti menyatakan, jumlah pelajar terbabit dalam politik secara serius tidak ramai dan sebahagian besar lebih berminat dengan kegiatan anjuran fakulti atau kolej kediaman.

Naib Canselor, Universiti Industri Selangor, Prof Datuk Dr Kamarudin Kachar, berkata tenaga akademik perlu bersikap dinamik dan tidak boleh kekal dengan pendekatan lama dalam usaha mendidik mahasiswa muncul graduan serba boleh.

Beliau berkata, tujuan pendidikan ialah menukar sikap individu ke arah lebih baik daripada sebelum menerima pendidikan termasuk menyediakan mereka dengan kemahiran untuk bekerja.

Jika tidak berjaya mengubah sahsiah pelajar sepanjang tiga atau empat tahun berada di universiti, katanya, pensyarah berkenaan sebenarnya gagal menyempurnakan tugas mereka.

"Selain meningkatkan daya intelektual, pensyarah bertanggungjawab membangunkan sahsiah pelajar dari segi kerohanian dan emosi supaya jiwanya juga dimantapkan dengan ilmu yang dapat dijadikan panduan sepanjang hidup," katanya.

Dr Kamarudin berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa universiti perlu mengkaji semula peranan dalam alaf baru dan memberi perhatian khas terhadap pencapaian pelajar Bumiputera dalam akademik.

Perdana Menteri berkata, pelajar Melayu mudah mempercayai hasutan parti politik supaya membenci kerajaan dan lebih banyak menghabiskan masa dalam gerakan itu daripada menumpukan perhatian kepada pengajian hingga pencapaian akademik kurang memuaskan.

Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Anuwar Ali, berkata, universiti itu sudahpun melancarkan Pelan Strategik 2000-2020 untuk memantapkan UKM supaya dapat berkembang secara terancang dan optimum dalam ekosistem politik, sosial, ekonomi, teknologi dan sekitaran pendidikan yang sentiasa berubah.

Beliau berkata, perancangan itu dibuat berdasarkan analisis kekuatan dan kelemahannya serta memberi perhatian kepada perkembangan sekitaran untuk membolehkan UKM dapat membuat pilihan penggunaan sumber paling sesuai dengan matlamat dan perubahan dalam alaf baru.

Katanya, pelan strategik itu mengupayakan universiti supaya bersepakat mengenai keperluan utama institusi dan pembabitan warganya dalam perjalanan universiti hingga UKM mampu terus memainkan peranan kritikal dan lebih proaktif terhadap masa depan tanpa mengorbankan tuntutan keilmuan.

Pada masa sama, katanya, UKM seperti universiti lain sedar masalah pelajar Bumiputera yang sejak beberapa tahun lalu menunjukkan pencapaian akademik kurang baik berbanding pelajar bukan Bumiputera.

"Universiti sudahpun menubuhkan jawatankuasa khas antara dekan dan wakil

pelajar yang mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya dua kali pada setiap semester untuk mendengar masalah pelajar serta membincangkan pencapaian mereka dalam akademik.

"Selain itu, pelajar Bumiputera yang mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif 3.0 dan di atas, dibantu pensyarah supaya pencapaian mereka terus bertahan dan semakin baik hingga mencatat kepujian kelas pertama dalam ijazah masing-masing," katanya.

Dalam Konvokesyen UKM ke-28 tahun ini, daripada 5,125 graduan ijazah pertama, 45 orang mendapat kelas pertama tetapi hanya enam pelajar Bumiputera.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Mahasiswa, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Nazrul Fazami Mohamad, berkata memang ada gerakan parti politik mendekati pelajar dalam kampus dan menghasut mereka membenci kerajaan.

Tetapi, katanya, masalah itu tidak serius di UiTM kerana pelajarannya lebih tertarik dengan kegiatan peringkat universiti yang dianjurkan kolej kediaman atau fakulti masing-masing.

(END)